



■ Projek tanaman pisang ketika kecil.

Projek ekonomi dan pertanian hasilkan Kurnia Belia Jaya

Oleh
SAAD TAIB

PEMENANG anugerah "KURNIA BELIA JAYA" (KBJ), Pertubuhan Gerakan Belia 4B, Cawangan Padang Lalang, Langkawi mempunyai lapan projek besar di bidang ekonomi dan pertanian.

Menerusi projek tersebut, pertubuhan itu berjaya memberi pekerjaan kepada hampir 100 ahli. Ini sebagai usaha menyekat penghijrahan mereka ke bandar.

Sempena kemenangan itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Haji Hashim, melawat ke Bilik Gerakan, Cawangan Belia itu dan mendengar taklimat.

Setiasahannya, Encik Bahari bin Talib, menerangkan bahawa projek yang dilaksanakan ialah:

Ternakan 55 kerbau di kawasan padang ragut 30 ekar kepunyaan Jabatan Haiwan yang membantu \$3,500 untuk membeli 10 kerbau dalam tahun 1973.

Dalam lapan tahun, kerbau membiak hingga meningkat setakat yang ada sekarang.

Ternakan kambing kini 28 ekor, dimulakan sejak Disember 1979 dengan bantuan \$3,580 dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ketika wabak penyakit kuku dan mulut baru-baru ini, 12 matj, walaupun Jabatan Haiwan berikhtiar menyuntik.

Ternakan 24,000 ikan dalam sangkar, jenis kerapu merah, siakap putih dan merah, di Tanjung Rhu.

Jabatan Perikanan Kedah membantu \$20,000 menyediakan 12 sangkar, dimulai Januari 1979.

Ternakan 20 lembu di Ulu Melaka bulan Mac tahun lalu, Jabatan Haiwan membantu \$5,000 untuk membeli baka lembu.

Kilang memproses mee kuning, mulai Julai 1979, di Simpang Empat Padang Lalang, bantuan dari KKBS \$8,474 dengan pengeluaran 200 kati sehari.

Kedai perabot di Ulu Melaka, sejak Disember 1978, bermodal \$7,941, pinjaman dari MARA \$3,000, modal peserta \$4,721 dan bakinya, bantuan KKBS.

Pengangkutan lori mini, mulai Ogos 1980, dengan modal \$17,420, pinjaman dari Syarikat Kewangan Berhad \$11,220, MARA \$5,000 dan bakinya modal sendiri.

Tanaman pisang emas, rastali, awak dan mantan, di kawasan lapan ekar mulai Jun 1978, dengan modal \$7,784 — bantuan KKBS \$4,850 dan wang sendiri \$2,934.

Di samping itu terdapat juga projek-projek kecil lain seperti kedai jahit, menternak 600 itik telur dan tanaman sayur-sayuran.

Dalam taklimat itu, Encik Bahari menyebut projek seumpama itu akan terus dilaksanakan untuk memberi peluang pekerjaan kepada ahli.

Hingga ini, 157 belia menjadi ahli Gerakan Belia 4B di situ.

Pengerusi 4B tersebut, Encik Mohamed bin Salleh pula menerangkan rancangan bagi projek-projek tahun ini, iaitu menerusi Projek Belia Peladang dan Belia Niaga:

■ Bengkel memperbaiki motor/enjin dengan pinjaman diperlukan \$28,000.

■ Pemulihan ternakan ikan dalam sangkar diperlukan \$20,000 untuk memperbaiki sangkar yang rosak dan membeli 10,000 benih ikan.

■ Ternakan udang galah/ketam: anggaran peruntukan yang perlu \$13,500 dan 1,000 itik, dengan anggaran modal \$9,000.



■ ENCIK MOHAMAD



■ ENCIK BAHARI

■ Restoran mini di Pusat Pelancongan Tanjung Rhu: modal diperlukan \$15,000.

■ Pusat kraftangan buluh: memerlukan modal \$12,000.

Projek-projek lain yang dirancang ialah mengadakan pasar malam sekitar bulatan Padang Lalang dan jualan laka.

Sebelum mendengar taklimat itu, Datuk Mokhtar melawat projek ternakan ikan dalam sangkar, yang rugi hampir \$100,000 akibat rompakan lanun yang dipercayai dari Thailand, pada 27 Februari lalu. Sangkar yang tinggal mereka musnahkan, manakala baki ikan mereka bubuh tuba.

Dalam rompakan itu, dianggarkan 15,000 ikan kerapu berharga \$8 sekati, 3,000 siakap putih \$6.50 sekati dan 1,000 siakap merah \$5.50 sekati, dilarikan.

Perompak itu dikatakan datang sebelah petang dengan dua bot lengkap senjata.

Yang tinggal sekarang kira-kira 2,000 ikan kerapu dalam tiga sangkar.

Pembantu Perikanan Air Tawar/Langkawi, Encik Saad Mohamad, menerangkan pelaksanaan projek tersebut kepada Datuk Mokhtar, sebagai industri perikanan yang mempunyai potensi untuk meningkat maju, jika kejadian itu tidak berlaku.

Menteri berkenaan lalu menasihatkan belia di situ tidak tawar hati bagi meneruskan projek tersebut dengan memperbaiki semula sangkar-sangkar yang rosak.

Benih-benih ikan, menurutnya, hendaklah dibeli menggantikan yang hilang, manakala KKBS akan mengeluarkan belanja.

Beliau melafazkan penghargaan: kepada Belia 4B kerana dianugerah KBJ. Tahun lalu belia itu mendapat tempat kedua.

Rombongan sembilan orang diketuai oleh Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Langkawi, Encik Abu Bakar Yahaya, menerima piala dan wang tunai \$3,000 sempena perasmian perayaan Hari dan Minggu Belia Negara, di Stadium Negara, Kuala Lumpur.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyampaikan piala dan wang tersebut. ■

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia